A KARIM A MANAFF

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
LOW HOP BING H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-3-2000]
12 DISEMBER 2002

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Melakukan persetubuhan di luar tabii (meliwat) - Kanun Keseksaan, s. 377B Sama ada keterangan diberikan memadai untuk membuktikan kesalahan tertuduh - Alibi - Sama ada boleh diterima - Sama ada hakim perbicaraan betul apabila menolak pembelaan alibi - Sama ada kesimpulan hakim perbicaraan tepat dan munasabah - Sama ada hukuman setimpal dan wajar*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 377B - Melakukan persetubuhan di luar tabii (meliwat) - Unsur-unsur kesalahan - Pembuktian - Sama ada dibuktikan di luar keraguan munasabah - Hukuman - Hukuman 2 tahun penjara - Kepentingan awam dititikberatkan - Sama ada setimpal dan wajar - Kanun Keseksaan, ss. 377A dan 377B*

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang mensabitkan perayu (tertuduh) dengan kesalahan di bawah s. 377B Kanun Keseksaan ("Kanun") sekaligus menjatuhkan hukuman penjara selama 24 bulan. Fakta menunjukkan bahawa pada 19 November 1996, tertuduh telah membawa pengadu ke sebuah rumah No. 9887, Taman Noorbar, Bukit Serendit, Melaka dan telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii iaitu memasukkan zakar ke dalam mulut dan seterusnya dalam dubur pengadu. Di hadapan yang arif hakim Mahkamah Tinggi, isu-isu yang timbul adalah sama ada identiti dan identifikasi tertuduh telahpun dibuktikan dengan keterangan yang memadai dan sama ada hukuman 2 tahun penjara yang telah dijatuhkan setimpal dan wajar bagi kesalahan tersebut.

Diputuskan:

[1] Pengadu telah diperiksa oleh Dr Hanif Merican (SP2) pada 20 November 1996 iaitu sehari selepas kejadian liwat tersebut dan telah memberi keterangan bahawa beliau mendapati kesan koyak ringan yang baru yang mungkin disebabkan oleh kemasukan benda tumpul seperti zakar ke dalam dubur pengadu. Ini memadai sebagai sokongan untuk keterangan pengadu mengenai perbuatan tertuduh kepada pengadu seperti dalam kedua-dua pertuduhan. (ms 349 f-g)

[2] Pengadu telah mendakwa bahawa satu cebisan kertas (A1) yang mengandungi nama dan telefon tertuduh telah diberikan kepada pengadu oleh tertuduh selepas kejadian tersebut. Noraida Ali, pegawai penyiasat, telah menyuruh tertuduh menulis lima baris perkataan seperti terdapat dalam cebisan kertas tersebut mengikut tulisan tangannya sendiri. Norsiah Yusof (SP14) yang bekerja dengan Jabatan Kimia, Petaling Jaya telah diminta untuk membuat pengesahan dan perbandingan antara tulisan tangan A7 dengan contoh dalam sampul surat A1 dan berpendapat bahawa ciri-ciri dalam A1 dan A7 adalah dari hasil penulisan yang sama. Oleh itu identiti dan identifikasi tertuduh telahpun dibuktikan dengan keterangan yang memadai. (ms 349 b, 351 c, g-i & 352 b-g)

[3] Alibi tertuduh tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain oleh itu pembelaan alibi telah ditolak oleh hakim perbicaraan. Mahkamah yang mendengar rayuan tidak harus mengganggu pendapat fakta-fakta yang dicapai oleh hakim perbicaraan yang berpeluang memerhatikan demeanour dan menilai kebolehpercayaan saksi-saksi yang memberi keterangan di hadapannya, kecuali pendapat fakta-fakta itu tidak disokong oleh keterangan, atau menentang keberatan keterangan. Oleh itu, kesimpulan hakim perbicaraan adalah tepat, munasabah dan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan di hadapannya. Dengan ini, rayuan terhadap sabitan adalah ditolak. (ms 353 g & 354 b-d)

[4] Hakim perbicaraan telah menumpukan perhatiannya kepada fakta kes, kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dan jawatan tertuduh sebagai seorang anggota polis. Beliau telah menitikberatkan kepentingan awam sebagai satu prinsip yang terpakai di sini, semasa menjatuhkan hukuman di bawah s.377B tersebut. Hukuman tersebut adalah setimpal dan seharusnya dikekalkan. (ms 354 e-f)

[Rayuan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Arulpragasan Sandaraju v. PP [1997] 1 CLJ 686i FC ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 MLJ 232 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Illian & Anor v. PP [1988] 1 MLJ 421 SC ***(dirujuk)***
Syed Abu Tahir Mohamed Esmail v. PP [1988] 3 MLJ 485 HC ***(dirujuk)***
Yau Heng Fang v. PP [1985] 2 MLJ 335 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Penal Code, s. 377A, B
Criminal Procedure Code, s. 173(h)(1), (2)

Bagi pihak tertuduh - Akbardin Hj Abdul Kader; T/n Akbardin & Co
Bagi pihak pendakwa - Abdul Rashid Hj Daud, TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Low Hop Bing H:

Rayuan

Di hadapan saya adalah rayuan oleh perayu ("tertuduh") terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ("hakim perbicaraan yang bijaksana') di mana tertuduh telah disabitkan dan dihukum penjara selama 24 bulan bagi setiap pertuduhan yang berkuatkuasa dengan serentak atas pertuduhan-pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

Pertuduhan pertama:

Bahawa kamu, di antara jam 10.00 malam, 19.11.96 dan 12.01 pagi, 20.11.96 di rumah No. 9887, Taman Noorbar, Bukit Serindit, di dalam daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan Asrul Hisham bin Dzulkifliee, KP No. 751121-04-5369, iaitu dengan memasukkan zakar kamu ke dalam mulutnya, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 377B, Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua:

Bahawa kamu, di antara jam 10.00 malam, 19.11.96 dan 12.01 pagi, 20.11.96 di rumah No. 9887, Taman Noorbar, Bukit Serindit, di dalam daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan Asrul Hisham bin Dzulkifliee, KP No. 751121-04-5369, iaitu dengan memasukkan zakar kamu ke dalam duburnya, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 377B, Kanun Keseksaan.

Taraf Pembuktian Pada Penutup Kes Pendakwaan

Oleh kerana pertuduhan merangkumi tarikh 19 November 1996 iaitu sebelum pindaan kepada Kanun Acara Jenayah dalam s. 173(h)(1) dan (2), pada 1 Februari 1997, maka beban pembuktian atas pendakwaan pada peringkat kes penutupnya adalah pada taraf atau tahap melampaui keraguan munasabah, selepas penilaian maksimum atas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan: *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1997] 1 CLJ 686i (F) yang telah diterimapakai dan diikuti dalam kes-kes seterusnya sehingga pindaan tersebut.

Fakta-fakta

Penilaian maksimum keterangan pengadu SP1 menunjukkan bahawa pada 19 November 1996, jam lebih kurang 10 malam, pengadu berada di hadapan sekolah rendah jenis kebangsaan Shiang Lin, Jalan Durian Daun, Melaka. Pengadu menunggu kawannya yang bernama Mohd Nizam SP5 dekat telefon awam. Semasa menunggu, pengadu bertemu dua orang lelaki Melayu yang menunggang motosikal. Di antaranya, seorang adalah tertuduh yang memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis dalam Unit Bahagian Penyiasat Jenayah. Tertuduh mendesak pengadu pergi ke rumahnya di No. 9887, Taman Noorbar, Bukit Serindit, Melaka ("rumah tertuduh"). Pengadu berasa takut dan serba salah, tetapi kemudian ikut tertuduh. Mereka bertiga orang menaiki motosikal jenis Suzuki RG Sport. Pengadu duduk di tengah, tertuduh di depan dan kawannya di belakang.

Mereka tiba ke rumah tertuduh lebihkurang 20 minit kemudian. Tertuduh membuka pintu dan ketiga-tiga mereka masuk ke dalam rumah tertuduh. Tertuduh tutup pintu utama. Kemudian kawannya masuk ke bilik air. Semasa pengadu dan tertuduh berada di ruangan tempat makan (dining hall), tertuduh yang memperkenalkan diri sebagai Karim berjabat tangan dengan pengadu. Pengadu boleh lihat dengan jelas. Selepas itu tertuduh gosok tangan pengadu dan membentangkan tilam serta mengajak pengadu masuk ke bilik. Pengadu berdiri di situ dan tertuduh membuka baju, rebah di atas tilam dan ajak pengadu baring bersama.

Tertuduh menarik tangan pengadu dengan perlahan-lahan dan pengadu pun baring bersama. Perasaan pengadu adalah gelisah dan takut.

Tertuduh mula meletakkan kakinya di kelengkang pengadu dan tarik tangan pengadu untuk memegang kemaluan tertuduh. Pada masa itu, tertuduh masih memakai seluar. Walaupun pengadu hendak lepaskan tangannya, tertuduh pun menarik balik tangan pengadu dan meletak di kemaluan tertuduh. Kemudian tertuduh peluk pengadu, tetapi pengadu cuba menolaknya dan terus terasa rimas.

Tertuduh mula cium leher pengadu dan tanggalkan seluar tertuduh dan seterusnya tanggalkan seluar pengadu. Tertuduh menarik bahu pengadu dan mengambil kepala pengadu untuk menghisab kemaluan tertuduh dalam mulut pengadu. Pada masa pengadu berbaring, tertuduh cium badan pengadu dan cuba memasuki kemaluannya di belakang pengadu di bahagian dubur. Walaupun pengadu cuba menolak tetapi tidak dapat dikawal kerana kawan tertuduh cium dada pengadu bahagian kiri. Tertuduh telah berjaya memasukkan kemaluannya ke dalam dubur pengadu dan pengadu berasa basah. Pengadu berasa sedih dan tidak rela apa yang tertuduh telah buat kepadanya. Kemudian ketiga-tiga balik menaiki motosikal, pada jam lebihkurang 12.30 malam.

Setelah tertuduh menghantar kawannya ke bus-stop, tertuduh menghantar pengadu ke simpang masuk ke rumah pengadu.

Atas permintaan pengadu, tertuduh mengambil sekeping kertas dari poketnya dan di hadapan pengadu tertuduh menulis nama dan nombor telefonnya "2842222 ext. 254 Sjn. Karim" di atas kertas ini dan memberi cebisan kertas ini kepada pengadu.

Pada 11.00 pagi hari keesokannya pengadu telah diperiksa oleh Dr Mohd Hanif Merican SP2 kerana dia rasa sakit di bahagian dubur dan juga membuat lapuran kepada polis iaitu Bandar Hilir Report No. 2610/96 pada 3.00 petang 20 November 1996.

Pengadu pasti bahawa tertuduhlah yang memaksa pengadu menghisab kemaluan tertuduh dan memasukkan kemaluannya di dalam dubur pengadu.

Pengadu telah diperiksabalas dengan terperinci tetapi keterangannya tetap kekal. Hakim perbicaraan yang bijaksana telah berpeluang memerhatikan demeanour pengadu dan telah menerima keterangannya terutama mengenai muka dan identiti tertuduh ketika tertuduh memasang lampu semasa memasuki rumah tertuduh. Cahaya lampu jalanraya telah menerangi ruang bilik melalui tingkap rumah tertuduh. Ini telah disahkan dalam keterangn SP10 Ariffin bin Ismail, juruteknik TNB, Melaka. Pendapat fakta-fakta yang dicapai oleh hakim perbicaraan yang bijaksana adalah berasaskan kepada keterangan yang memadai.

Dr Mohd Hanif Merican SP2 yang memeriksa dubur pengadu pada 10.00 pagi 20 November 1996 telah memberi keterangan bahawa beliau mendapati kesan koyak ringan yang baru (superficial fresh tear) yang mungkin disebabkan oleh kemasukan benda tumpul (blunt object) seperti zakar (penis) ke dalam dubur pengadu.

Sayugia diperhatikan di sini bahawa "fresh tear in the hymen" adalah memadai untuk menyokong keterangan mangsa dalam membuktikan fakta rogol: *Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v. Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 485.

Dalam hubungan ini, secara anologi, keterangan Dr Mohd Hanif Merican SP2 adalah memadai sebagai sokongan untuk keterangan pengadu mengenai perbuatan tertuduh kepada pengadu seperti dalam kedua-dua pertuduhan.

Dr Chua Chin Jou, SP3 adalah pegawai perubatan yang menguji tertuduh untuk "potency" dan hasil ujian membuktikan bahawa tertuduh adalah poten (potent) dan boleh kekalkan ereksi atau penegakan zakar erection dan boleh bersetubuh dengan lelaki atau perempuan.

Pada 26 November 1996, ahli kimia SP4 telah menerima enam sampul surat bermeteri PDRM 232 dari lans korporal 125109 Aini bte Mahmud, SP7, bertanda A, A2, A3, A4, A5 dan A6 untuk dianalisa.

Kain pembalut tilam dalam A dan seluar panjang dalam A6 didapati ada air mani. SP4 menjelaskan bahawa air mani itu tidak dapat dibuktikan daripada siapa. Walaubagaimanapun, saya bersetuju dengan pendapat hakim perbicaraan yang bijaksana bahawa kehadiran air mani tidaklah merupakan fakta yang material untuk membuktikan berlakunya persetubuhan, kerana terdapat keterangan memadai dari saksi-saksi pendakwa lain yang telah dinilai secara maksimum.

Borhan Benjamin Abdullah SP6 adalah kawan pengadu. Pada 20 November 1996, jam 9.00 pagi, pengadu menelefon SP6 mengenai suatu perkara yang penting dan minta berjumpa dengannya di sebuah warung sebelah bangunan Yayasan Melaka, di mana mereka berjumpa dan menikmati makanan. Pengadu tunjuk satu cebisan kertas kecil tersebut yang mengandungi nama dan telefon tertuduh. Pengadu beritahu SP6 mengenai kes liwat yang dilakukan oleh tertuduh ke atas pengadu pada 11 November 1996. SP6 sebagai sukarelawan polis berpangkat inspektor kenal tertuduh sebagai sarjan polis. Pengadu menceritakan kepada SP6 apa yang telah berlaku dan kandungannya adalah seperti keterangannya yang dihuraikan dan dinilai secara maksimum di atas. Pengadu minta SP6 membawanya ke klinik iaitu klinik Dr. Mohd Hanif Merican SP2 untuk pemeriksaan. SP6 beritahu SP2 apa yang telah diceritakan oleh pengadu kepada SP6. SP2 menjalani pemeriksaan ke atas pengadu selama 45 minit dan hasil pemeriksaannya terkandung dalam keterangan di atas.

SP9 Zawiyah bte Wan Ali yang beralamat No. 9888 Taman Noorbar adalah jiran kepada tertuduh yang memiliki dan menduduki rumah No. 9887 taman yang sama bersama-sama dengan keluarganya pada tahun 1996 setelah tertuduh membelinya daripada SP15 Cikgu Abd. Salim bin Zakaria. Walau bagaimanapun pada tarikh kejadian tersebut iaitu 19 November 1996, rumah tertuduh kosong.

SP12 Noraida bte Ali yang berpangkat ASP pada 20 November 1996 adalah pegawai penyiasat dalam kes ini. Pada tarikh itu, SP12 telah pergi ke rumah tertuduh. Pada jam lebihkurang 11.00 malam, SP12 sendiri menghantar pengadu ke Hospital Melaka untuk diperiksa oleh Dr. Masri Mohd yang telah ditawarkan kepada pembelaan.

Pada 22 November 1996, jam lebihkurang 10.15 pagi, bersama-sama detektif lans korporal Zahid, SP12 membawa polylight ke rumah tertuduh untuk mengesan samada terdapatnya kesan air mani di tilam dalam bilik tempat

kejadian. SP12 berjumpa dua tompok di tilam tersebut yang SP12 membawa ke ibupejabat kontingen polis Melaka untuk dihantar ke Jabatan Kimia. Pengadu juga telah menyerahkan secebis kertas yang tercatit nama dan nombor telefon tertuduh.

Pada 8.10 malam 26 November 1996, SP12 bersama-sama dengan tertuduh pergi ke rumah tertuduh dan serahkan senarai bongkar (search list) kepada tertuduh.

SP12 juga menyuruh tertuduh menulis lima baris perkataan seperti terdapat dalam cebisan kertas tersebut mengikut tulisan tangannya sendiri iaitu nombor telefon "2842222 ext 254" dan "sjn Karim" sebagai contoh-contoh untuk pemeriksaan oleh pemeriksa surat bukti di Jabatan Kimia Petaling Jaya, SP14 Norsiah Mat Yusof yang telah menerimanya melalui SP13 Maimunah bte Sulaiman, seorang pegawai sains di jabatan itu.

Pada 2 Disember 1996, SP13 telah menerima dua sampul surat dari lans korporal 125109 untuk diserahkan kepada pemeriksa surat bukti SP14, yang telah bertugas sejak 28 Februari 1980 dalam jawatan tersebut, selepas memegang ijazah Sarjana Muda Kimia dari Universiti Leeds pada 1979. Beliau telah menjalani latihan terperinci sebagai pemeriksa surat bukti selama dua tahun iaitu 1982 dan 1983 di Jabatan Kimia Sydney Australia. Beliau memeriksa dokumen yang dihantar oleh pihak-pihak kerajaan dalam guaman sivil serta kes criminal, dan membuat pemeriksaan terhad tentang tulisan tangan, tandatangan, tulisan taip, bahan-bahan cetak dan pindaan terhadap dokumen, dan pernah memberi keterangan di Mahkamah Majistret, Sesyen, Tinggi dan Mahkamah Tentera tentang kepakarannya mengenai dokumen, secara purata lebihkurang 4 hingga lima kali sebulan. Pada 9 Disember 1996 beliau telah terima dari Maimunah bt Sulaiman SP13 sampul surat A1 dan A7 dengan sempurna.

SP14 telah diminta untuk membuat pengesahan dan perbandingan antara tulisan tangan antara A7 dengan contoh dalam sampul surat A1. Hasil pemeriksaannya telah sediakan dalam satu lapuran di mana SP14 berpendapat bahawa tulisan tangan dalam A7 itu adalah tulisan asal yang sama dengan contoh A1 iaitu tulisan tertuduh sendiri. Selepas pemeriksaan, SP14 kembalikan dengan seal Jabatan Kimia kepada K/Insp. Sandra Low pada 16 Mei 1997. Pemeriksaan dijalankan dalam makmal dengan menggunakan optik untuk pemeriksaan rapi setelah mengambilkira ciri-ciri tulisan tangan, kelajuan, tekanan, pergerakan tangan, shading/ketebalan, kelancaran, baseline/condong, tabiat, bentuk/design/ firm/shape, besar/kecil tulisan itu dan gabungan ciri-ciri tulisan tangan yang dilihat dengan mengambilkira persamaan dan perbezaan juga.

SP14 mengatakan ciri-ciri dalam A1 dan A7 adalah dari hasil penulisan yang sama.

Kesemua keterangan SP14 telah diterima oleh hakim perbicaraan yang bijaksana dan telah mengaitkan tertuduh dengan kejadian di rumah tertuduh seperti yang telah diceritakan oleh pengadu di atas.

Saya bersetuju dengan pendapat hakim perbicaraan yang bijaksana bahawa keterangan SP14 merupakan keterangan sokongan (corroboration) kepada keterangan pengadu mengenai identiti dan identifikasi tertuduh.

Section 377B Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

> Sesiapa yang secara sukarela melakukan persetubuhan bertentang dengan aturan tabii hendaklah dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan hingga dua puluh tahun dan hendaklah juga disebat.

Section 377A Kanun yang sama memberi tafsiran kepada "persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii" seperti berikut:

> mana-mana orang yang mengadakan perhubungan dengan orang lain secara memasukkan buah zakar ke dalam dubur atau mulut orang lain adalah dikatakan bersalah melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii.
>
> Penerangan: kemasukan adalah memadai untuk menjadikan perhubungan seksual itu perlu bagi kesalahan yang diterangkan dalam seksyen ini.

Saya berpendapat bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah mencapai keputusan yang betul apabila memanggil pembelaan tertuduh untuk menjawab kedua-dua pertuduhan-pertuduhan tersebut yang telah dibuktikan dengan taraf melampaui keraguan munasabah pada penutup kes pendakwaan.

En Akbardin bin Hj Abdul Kader, peguam yang bijaksana bagi pihak tertuduh telah menegaskan bahawa kawad cam adalah tercacat, tetapi hujah ini telah ditolak oleh hakim perbicaraan yang bijaksana kerana pengadu telah mengecam tertuduh dengan memuaskan dalam keterangannya tanpa kawad cam.

En Abdul Rashid bin Hj Daud, timbalan pendakwa raya yang bijaksana mengatakan bahawa identiti dan identifikasi tertuduh telahpun dibuktikan dengan keterangan yang memadai. Saya berpendapat bahawa soalan identiti dan identifikasi tertuduh merupakan satu soalan fakta yang perlu diputuskan berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diberikan dalam perbicaraan dan dalam konteks ini, keterangan pengadu SP1 dan pemeriksa surat bukti SP14 seperti yang saya huraikan di atas jelas membuktikan fakta ini. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan keputusan hakim perbicaraan yang bijaksana mengenai fakta ini.

Dalam keterangan tertuduh, isu alibi telah dikemukakan. Tertuduh mengatakan bahawa pada 19 November 1996 jam 21.10 hrs (9.10 malam) dia telah pergi ke rumah Ketua Polis Daerah, tetapi tiada orang di sana. Oleh itu, tertuduh pergi ke rumah seorang yang bernama Tok Mat Jawa dan balik lebihkurang 11.50 malam dari rumah Tok Mat Jawa, terus ke rumah tertuduh di Blok E, Tingkat 3, Pintu 11, Kompleks Polis Sri Temenggong, Jalan Sentosa, Bukit Baru, Melaka. Tertuduh mengatakan dia tiba di rumahnya 10 minit kemudian. Oleh itu, tertuduh menjelaskan bahawa dia tidak pergi ke rumah tersebut di No. 9887 Taman Noorbar, Bukit Serindit, Melaka.

Tertuduh mengatakan dia tidak pernah kenal pengadu sebelum kes ini bermula dan menafikan meliwatnya atau menyuruh pengadu menghisab kemaluannya di rumah tertuduh. Tertuduh menafikan ada menunggang motosikal dengan lelaki lain pada malam itu dan mengatakan cebisan kertas dengan nombor telefon dan namanya itu bukan berasal darinya.

SD2 Ahmad bin Abu, seorang pesara polis, juga dikenali sebagai Ahmad Jawa, memberi keterangan bahawa tertuduh datang ke rumahnya pada pukul 9.00 malam dan balik pada 12.00 malam pada 19 November 1996, tetapi dalam pemeriksaan balas, SD2 mengatakan bahawa ingatannya tidak berapa kuat dan menambahkan tertuduh balik pada pukul 10.00 malam dan juga pada pukul 12.00 malam. SD2 juga memberi keterangan bahawa dia tidak berapa ingat lagi. Dengan hal yang demikian, hakim perbicaraan yang bijaksana telah tidak menerima keterangan SD2 kerana sentiasa bercanggah dan meragukan kebolehpercayaan (credibility) SD2.

SD3 adalah isteri tertuduh. Keterangan SD3 menunjukkan bahawa SD3 tidak ingat pukul berapa tertuduh keluar pada 19 November 1996 dan telah tidur apabila tertuduh balik pada hari itu. Tiada keterangan lain telah dikemukakan oleh SD3 mengenai pembelaan alibi tersebut.

Berdasarkan keterangan pembelaan tersebut, hakim perbicaraan yang bijaksana berpendapat bahawa alibi tertuduh tidak disokong oleh mana-mana keterangan lain. Oleh itu pembelaan alibi itu telah ditolak olehnya.

Adalah satu prinsip undang-undang jenayah bahawa dalam pembelaan alibi, beban pembuktian adalah terletak atas tertuduh yang diperlukan mengemukakan keterangan untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah: *Yau Heng Fang v. Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 335 (FC); *Illian & Anor. v. Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421 (SC); *Dato' Mokhtar Bin Hashim & Anor. v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 (FC).

Mengenai pembelaan alibi, soalan di hadapan saya adalah samada hakim perbicaraan yang bijaksana telah dengan tepatnya menilai keterangan alibi ini dan menolaknya.

Mengenai pendapat fakta-fakta yang dicapai oleh hakim perbicaraan yang bijaksana, prinsip yang diterimapakai telah baru-baru ini dijelaskan oleh Haidar Mohd Noor Hakim Mahkamah Persekutuan (sekarang Hakim Besar (M)) dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v. Public Prosecutor* [2002] 3 CLJ 457. Mahkamah Persekutuan iaitu mahkamah yang mendengar rayuan tidak harus mengganggu pendapat fakta-fakta yang dicapai oleh hakim perbicaraan yang berpeluang memerhatikan demeanour dan menilai kebolehpercayaan saksi-saksi yang memberi keterangan di hadapannya, kecuali pendapat fakta-fakta itu tidak disokong oleh keterangan, atau menentang keberatan keterangan atau pendapat itu merupakan pendapat yang menyakitkan (atau perverse).

Saya telah meneliti kesemua keterangan dan berpendapat bahawa kesimpulan hakim perbicaraan yang bijaksana adalah tepat, munasabah dan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan di hadapannya. Dengan ini, rayuan terhadap sabitan adalah ditolak.

Mengenai rayuan terhadap hukuman, hakim perbicaraan yang bijaksana telah menumpukan perhatiannya kepada fakta kes, kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dan jawatan tertuduh sebagai seorang anggota polis. Saya berpendapat bahawa beliau telah mempertimbangkan segala hal keadaan semasa menjatuhkan hukuman tersebut yang setimpal.

Pada pendapat saya, hakim perbicaraan yang bijaksana telah menitikberatkan kepentingan awam sebagai satu prinsip yang terpakai di sini, semasa menjatuhkan hukuman dua tahun penjara, dalam lingkungan hukuman maksimum iaitu 20 tahun di bawah s. 377B tersebut.

Sebagai hakim rayuan, saya tidak akan mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim perbicaraan yang bijaksana sebagai perjalanan budibicara dalam lingkungan maksimum yang diperuntukkan di bawah s. 377B, kecuali dalam keadaan tertentu, seumpamanya hukuman adalah salah dari segi undang-undang, terlalu tinggi, terlalu rendah, tidak setimpal, merupakan perjalanan budibicara yang tidak munasabah, tidak berpatutan atau bertentangan dengan kepentingan awam atau prinsip-prinsip kehakiman yang ketara.

Dalam konteks ini, saya bersetuju dengan hukuman tersebut. Dengan ini saya mengekalkannya. Rayuan terhadap hukuman juga ditolak.